

25 MAY 2001

Abdullah-IKS (Bergambar)

PENGUSAHA IKS PERLU TEROKAI PASARAN ANTARABANGSA

KOTA BAHARU, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kejayaan pengeluar Malaysia bersaing dalam pasaran tempatan seharusnya memberi keyakinan kepada pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk menerokai pasaran antarabangsa yang lebih luas dan boleh menghasilkan keuntungan yang lebih baik.

Timbalan Perdana Menteri berkata sebagai permulaan pengusaha IKS harus mengambil dayausaha untuk memasuki pasaran negara Asean yang duti importnya sudah diturunkan kepada 0 hingga 5 peratus seperti yang dilakukan Malaysia.

"Selain itu pengusaha IKS mesti terus berusaha meluaskan pasaran di negara-negara yang kuasa membeli rakyatnya meningkat," katanya ketika merasmikan Konvensyen IKS di sini, hari ini.

Abdullah mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi merasmikan konvensyen bertema "Ke arah perdagangan global menjelag Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) 2003" anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia negeri Kelantan.

Abdullah berkata pengusaha IKS tidak boleh menggunakan alasan keadaan ekonomi dunia yang lembab untuk menyatakan mangapa mereka tidak harus berusaha mencari pasaran baru.

"Kerajaan pula boleh dianggap sebagai 'venture capitalist' yang menyokong kegiatan IKS tetapi sokongan kerajaan ini akan diteruskan hanya jika sikap pengusaha IKS tidak tertumpu kepada pasaran domestik sahaja," katanya.

Beliau berkata bagi melengkapkan diri untuk menjadi pengeluar yang lebih cekap dan berdaya saing, pengusaha IKS boleh menyertai Program Pembekal Global yang diperkenalkan kerajaan.

Program itu bertujuan membangunkan daya saing dan meningkatkan keupayaan syarikat IKS tempatan sebagai komponen dan peralatan kepada syarikat multinasional dan syarikat besar bukan sahaja di Malaysia tetapi juga kepada rangkaian operasi global, katanya.

Abdullah berkata syarikat-syarikat IKS perlu mempertingkatkan keupayaan untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan.

"Perdagangan elektornik (E-Commerce) perlu digunakan sepenuhnya oleh syarikat IKS bagi membolehkan mereka berdagang bukan sahaja di pasaran tempatan bahkan juga dalam masa yang sama dapat menembusi pasaran global secara elektronik", katanya.

Beliau berkata kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memperkemas dasar-dasar bagi menggalakkan perdangan, perindustrian dan penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran bagi memastikan produk Malaysia dapat bersaing dengan jaya di pasaran serantau dan global.

Katanya, semua perancangan dan program yang disediakan oleh kerajaan itu hanya akan berjaya jika pengusaha secara bersungguh-sungguh memanfaatkannya bagi memajukan perniagaan masing-masing.

Abdullah juga berkata syarikat IKS yang merangkumi 90 peratus daripada jumlah perusahaan yang beroperasi di negara ini, merupakan sumbangan penting dalam pembangunan ekonomi negara dengan membantu proses perindustrian negara sebagai penyokong dan pelengkap kepada sektor perkilangan.

"IKS menyumbang kira-kira 25 peratus kepada jumlah pengeluaran industri dan mewakili 30 peratus guna tenaga dalam sektor perkilangan," katanya.

Beliau berkata pengusaha IKS perlu menanam sikap dan matlamat sebagai

pengeluar barangan yang terbaik sahaja, berkualiti tinggi dan dapat memenuhi keperluan pelanggan dan pasaran dengan harga yang kompetitif.

Abdullah juga berharap konvensyen berkenaan yang turut disertai pengusaha IKS dari Thailand, Indonesia dan Brunei dapat memberi peluang kepada pesertanya berkongsi pengalaman bagi meningkatkan daya saing menjelang AFTA.

Katanya, konvensyen itu juga diharap dapat mendedahkan pengusaha IKS kepada aspek peluang perniagaan yang akan muncul ekoran daripada proses liberalisasi perdagangan di seluruh dunia.

-- BERNAMA

BD NMO